



PERATURAN PERMAINAN BADMINTON INDIVIDU
KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KARiSTA UiTM)

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) dan Peraturan Am Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM.

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara **BADMINTON INDIVIDU**.

3.0 FORMAT PERTANDINGAN

3.1 Pertandingan Individu

3.1.1 Seorang pemain dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.

3.1.2 Acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- 3.1.2.1 Perseorangan Lelaki
- 3.1.2.2 Bergu Lelaki
- 3.1.2.3 Bergu Wanita
- 3.1.2.4 Bergu Campuran
- 3.1.2.5 Bergu Lelaki Veteran

- Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas perlawanan dimulakan.

4.0 PERALATAN

Bulu tangkis pertandingan dan kelengkapan sukan yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Semua acara badminton akan menggunakan sistem kiraan 21 mata atau (Rally Point Scoring System) (3x21) dengan kiraan best of 3.
- 5.2 Sila rujuk Perkara 9.0 Peraturan Am.

6.0 UNDIAN

Undian untuk perlawanan ini akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan.

7.0 PAKAIAN

Pemain-pemain perlu memakai pakaian yang sama dari segi warna dan corak semasa kejohanan berlangsung.

8.0 MELAPORKAN DIRI

Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.

9.0 KELEWATAN

Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 21-0, 21-0.

10.0 BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

11.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am.

12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan KARiSTA UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.